

PENGETAHUAN PENDIDIKAN INKLUSIF DALAM KALANGAN SISWA GURU SEMESTER ENAM IPGKDRI

Nur Nabilah binti Ahmad Latpi
Rabiatul Adawiyah binti Azhan
Sukri bin Berahim
rabiatuladawiyahazhan@gmail.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Nerus, Terengganu

ABSTRAK

Pendidikan Inklusif merupakan suatu program pendidikan untuk murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan. Kecaknaan terhadap program ini merupakan salah satu faktor keberkesanan dalam melaksanakannya. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi memastikan tahap pengetahuan tentang Pendidikan Inklusif dalam kalangan siswa guru IPGKDRI. Sampel yang dipilih terdiri dalam kalangan siswa guru daripada PISMP Semester Enam IPGKDRI seramai 66 orang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Pengetahuan Pendidikan Inklusif dalam kalangan Siswa Guru Semester Enam IPGKDRI berada pada tahap sederhana tinggi (Min=3.17, Sisihan Piawai=0.31). Kajian ini menggunakan penyelidikan kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Data-data dalam kajian ini dikumpul melalui soal selidik yang disediakan. Kemudian, proses penganalisan data menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 22.

Kata kunci: *Pendidikan Inklusif, Pengetahuan, Siswa Guru*

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan Inklusif adalah suatu program pendidikan untuk murid berkeperluan pendidikan khas yang dihadiri oleh murid berkeperluan khas bersama-sama dengan murid lain dalam kelas yang sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan (Lee. K. C dan Sailajah, 2018). Secara rasminya, Program Pendidikan Inklusif (PPI) diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1995 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Norshidah et. al, 2009). Sebelum ini, amalan inklusif telah lama dilaksanakan tetapi program ini tidak diperkenalkan secara terus dan hanya melalui rancangan pendidikan integrasi dan kelas pencantuman sahaja. Pada asasnya, dasar Pendidikan Inklusif di Malaysia telah menggunakan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Akta ini telah memberikan akses peluang pendidikan yang sama kepada semua kanak-kanak kurang upaya yang mana telah termaktub dalam undang-undang Malaysia, Akta 685 di bawah seksyen 28 (1) di mana kanak-kanak ini tidak boleh dicekualikan daripada sistem pendidikan atas sebab ketidakupayaan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa setiap kanak-kanak di Malaysia wajib mendapatkan pendidikan tanpa mengira kekurangan mereka.

Kanak-kanak kurang upaya ini ditempatkan sama ada di Sekolah Khas, Program Integrasi atau Program Pendidikan Inklusif (Lee. K. C dan Sailajah, 2018). Sekolah khas adalah merupakan sekolah untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran yang menawarkan pembelajaran di peringkat rendah, menengah dan vokasional. Program Integrasi atau dikenali sebagai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) telah bermula pada tahun

1962 untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran di peringkat rendah dan menengah. PPI pula adalah program yang diperkenalkan untuk memberi peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) untuk bersama-sama dengan murid lain dalam mengikuti program akademik dan bukan akademik dalam arus perdana. Ketiga-tiga program Pendidikan Khas KPM ini adalah merupakan usaha yang ditunjukkan oleh kerajaan dalam memastikan tidak ada murid yang ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan dan menjadi insan yang berguna kepada negara.

Menurut Zalizan (2009), institusi pendidikan terutamanya sekolah dan guru perlu memainkan peranan dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan selamat serta sesuai untuk MBK supaya potensi mereka dapat dikembangkan ke tahap yang maksima. Oleh itu, menjadi satu kewajiban untuk guru dalam memahami PPI ini dengan lebih mendalam supaya PPI dapat berjalan dengan lancar sesuai dengan hasrat KPM. Oleh itu, pendedahan awal terhadap PPI ini amat diperlukan terutamanya bagi siswa guru sama ada di Institut Pendidikan Guru mahupun Institut Pendidikan Tinggi Awam. Pendedahan kepada Pendidikan Inklusif ini perlu dilihat sebagai satu perkara yang amat penting kepada bakal guru sebelum menempuh alam pekerjaan. Oleh sebab itu, kajian ini sangat penting untuk melihat sejauh mana pengetahuan siswa guru dalam memahami Pendidikan Inklusif ini dengan lebih mendalam sebelum berkhidmat di sekolah kelak.

2.0 MASALAH KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa siswa guru semester enam IPGKDRI tidak begitu memahami akan Pendidikan Inklusif sebelum mempelajari kursus ini pada semester enam. Dalam proses mengikuti kursus ini, pengetahuan siswa guru masih pada tahap sederhana kerana pendedahan yang jelas dan terperinci tidak diberikan dan masa yang diperuntukkan untuk mempelajarinya amat terhad. Selain itu, disebabkan Pendidikan Inklusif ini adalah merupakan suatu program baru telah menyebabkan ramai siswa guru yang tidak begitu meminati akan kursus ini kerana mereka merasakan bahawa mereka tidak akan berhadapan dengan situasi ini di sekolah kelak.

3.0 SOROTAN KAJIAN LEPAS

Banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa masih ramai yang tidak memahami tentang Pendidikan Inklusif (Abdul Rahim et. al, 2019; Mohd Najib & Sanisah, 2006; Maizatul Asmah et. al, 2015; Saiful Azam, 2019; Pratiwi & Annisa, 2018; Endis, 2010; Abdul Razaq et. al, 2010; Othman et. al, 2008; Supiah, 2019; Muhammad Radhana, 2017; Nissa, 2016; Mohamad Sugiarmun, 2010). Kekurangan pengetahuan dan pendedahan terhadap Pendidikan Inklusif ini tidak hanya berlaku di negara kita malah negara-negara lain juga seperti negara Indonesia. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran orang ramai tentang Pendidikan Inklusif ini masih kurang dan tidak ramai yang mengetahui akan wujudnya program ini secara khusus.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan umum siswa guru semester enam IPGKDRI terhadap Pendidikan Inklusif. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk melihat pengetahuan siswa guru terhadap teknik pengajaran terhadap murid MBK dan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai untuk mereka. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti pengetahuan siswa guru tentang kolaborasi dalam Pendidikan

Inklusif. Di samping itu, kajian ini adalah untuk melihat bagaimana persepsi siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif secara tinjauan melalui soal selidik dengan tujuan untuk mengenal pasti secara menyeluruh sejauh mana Pengetahuan Siswa Guru Semester Enam IPGKDRI terhadap Pendidikan Inklusif. Kajian ini dijalankan di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail yang melibatkan responden dalam kalangan guru pelatih dari semester enam dan hasil dari soal selidik dibahagikan kepada beberapa pengkelasan. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat untuk pengumpulan data. Semua soal selidik ini telah dijadikan sebagai asas kepada pembinaan item bagi kajian ini. Walau bagaimanapun soal selidik ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian yang dilakukan. Sebanyak 60 item telah digunakan untuk mengukur pengetahuan Pendidikan Inklusif dalam kalangan siswa guru.

6.0 ANALISIS DATA

Data-data soal selidik untuk kajian ini diproses dengan menggunakan 'Statistical Package for the Sosial Science' versi 22 (SPSS). Statistik seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai akan digunakan dalam analisis deskriptif. Analisis deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk menjelaskan tentang Pengetahuan Pendidikan Inklusif dalam kalangan Siswa Guru Semester Enam IPGKDRI. Bagi menjawab persoalan tersebut pengkaji menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 *Interpretasi Skor Min*

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah (R)
2.10 – 3.00	Sederhana Rendah (SR)
3.10 – 4.00	Sederhana Tinggi (ST)
4.10 – 5.00	Tinggi (T)

7.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa terdapat seramai 66 orang siswa guru semester enam IPGKDRI yang terdiri daripada 13 orang siswa guru dengan peratusan sebanyak 19.7% manakala siswi guru adalah seramai 53 orang dengan peratusan sebanyak 80.3%. Siswa guru semester enam IPGKDRI terbahagi kepada empat pengkhususan iaitu Pengajian Islam, Sejarah, Bahasa Melayu dan TESL. Bagi siswa guru Pengajian Islam terdiri daripada 16 orang dengan peratusan sebanyak 24.2% manakala Sejarah pula terdiri daripada 17 orang siswa guru dengan peratusan sebanyak 25.8%. Seterusnya, siswa guru Bahasa Melayu seramai 9 orang dengan peratusannya 13.6%. Akhir sekali adalah siswa guru TESL iaitu seramai 24 orang dengan bilangan peratusnya sebanyak 36.4%.

Pengetahuan Pendidikan Inklusif

Soal selidik dalam bahagian ini mengandungi 60 item yang berkaitan dengan Pengetahuan Pendidikan Inklusif dalam kalangan Siswa Guru Semester Enam IPGKDRI. Min keseluruhan semua item adalah 3.17 dengan sisihan piawai 0.31 berada pada tahap interpretasi min sederhana tinggi (3.10-4.00). Dapatan menunjukkan 39 daripada 60 item berada pada tahap sederhana tinggi (3.10-4.00) dengan nilai min antara 3.68 hingga 3.05. Ini menjelaskan bahawa pengetahuan siswa guru semester enam terhadap Pendidikan Inklusif adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu siswa guru berupaya memahami tentang Pendidikan Inklusif. Di samping itu, 21 item lagi berada pada tahap sederhana rendah (2.10-3.00) dengan nilai min antara 3.09 hingga 2.14.

60 item ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Pengetahuan Umum terhadap Pendidikan Inklusif, Teknik Pengajaran Pendidikan Inklusif dan Bahan Bantu Mengajar, Kolaborasi dalam Pendidikan Inklusif serta Persepsi Siswa Guru Terhadap Pendidikan Inklusif. Keempat-empat bahagian soalan ini bertujuan untuk menguji sejauh mana siswa guru semester enam IPGKDRI mengetahui dan memahami akan Pendidikan Inklusif.

Jadual 2 Kekerapan

Ringkasan Kekerapan	Kekerapan
STB	Sangat Tidak Bersetuju
TB	Tidak Bersetuju
B	Bersetuju
SB	Sangat Bersetuju

Jadual 3

Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Pengetahuan Pendidikan Inklusif

Pengetahuan Umum terhadap Pendidikan Inklusif

Pernyataan	Kekerapan				Min	S.P	Tahap
	STB	TB	B	SB			
Tahu tentang Program Pendidikan Inklusif (PPI)	0 0%	1 1.5%	35 53.0%	30 45.5%	3.44	0.53	ST
Yakin dapat menentukan pedagogi yang berkesan bagi PPI	2 3.0%	18 27.3%	35 53.0%	11 16.7%	2.83	0.74	SR
Memahami secara jelas mengenai setiap topik dan item PPI	3 4.5%	19 28.8%	33 50.0%	11 16.7%	2.79	0.77	SR
Mempunyai kemahiran memotivasikan murid dalam PPI	2 3.0%	17 25.8%	36 54.5%	11 16.7%	2.85	0.73	SR
Mengetahui matlamat dan objektif PPI dengan jelas	0 0%	9 13.6%	43 65.2%	14 21.2%	3.08	0.59	SR
Memahami asas dan sejarah PPI	1 1.5%	16 24.2%	34 51.5%	15 22.7%	2.95	0.73	SR
Mampu untuk melaksanakan pedagogi Pendidikan Inklusif	2 3.0%	14 21.2%	38 57.6%	12 18.2%	2.91	0.72	SR
Dapat menganalisis halangan dalam melaksanakan PPI	0 0%	11 16.7%	46 69.7%	9 13.6%	2.97	0.55	SR
Mampu mengatur strategi untuk mengatasi halangan	1 1.5%	21 31.8%	37 56.1%	7 10.6%	2.76	0.66	SR
Mengetahui proses pemilihan murid bagi PPI	3 4.5%	12 18.2%	36 54.5%	15 22.7%	2.95	0.77	SR
Maklum tentang peranan dan tanggungjawab dalam pelaksanaan PPI	0 0%	10 15.2%	40 60.6%	16 24.2%	3.09	0.63	SR
Tahu badan bukan kerajaan terlibat dalam	5	25	25	11	2.64	0.85	SR

PPI	7.6%	37.9%	37.9%	16.7%			
Boleh mengendalikan ujian-ujian khas dan membuat analisis hasil ujian dengan cepak	4	27	24	10	2.92	2.64	SR
Mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk mengenal pasti murid berkeperluan khas (MBK) dan masalah secara khusus	6.1%	40.9%	36.4%	15.2%			
Mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam kaedah serta teknik pengajaran yang sesuai dan berkesan	2	20	32	12	2.82	0.76	SR
Boleh berkongsi maklumat dengan rakan-rakan lain untuk mengembangkan pengetahuan	3.0%	30.3%	48.5%	18.2%			
Mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menghasilkan dan mengendalikan bahan bantu mengajar (BBM) untuk MBK	1	14	40	11	2.92	0.66	SR
Mempunyai pengetahuan dan kemahiran teknologi untuk menyediakan alat berbantu dalam pedagogi Inklusif	1.5%	21.2%	60.6%	16.7%			
Perlu menyediakan Rancangan Pendidikan Individu untuk MBK	7	44	14	1	3.56	3.72	ST
Perlu mengadaptasi kurikulum dan bahan pengajaran dalam pelaksanaan PPI	10.6%	66.7%	21.2%	1.5%			
Min Keseluruhan	0	12	39	15	3.05	0.64	ST
	0%	18.2%	59.1%	22.7%			
	0	12	44	10	2.97	0.58	SR
	0%	18.2%	66.7%	15.2%			
	0	11	39	16	3.08	0.64	SR
	0%	16.7%	59.1%	24.2%			
	0	8	42	16	3.12	0.60	ST
	0%	12.1%	63.6%	24.2%			

Hanya terdapat empat item sahaja yang berada pada tahap sederhana tinggi manakala item yang lain berada pada tahap sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan umum siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif masih pada tahap sederhana rendah sahaja.

Teknik Pengajaran Pendidikan Inklusif dan Bahan Bantu Mengajar

Pernyataan	Kekerapan				Min	S.P	Tahap
	STB	TB	B	SB			
Guru aliran perdana perlu berkolaborasi dengan guru Pendidikan Khas	0	1	25	40	3.59	0.53	ST
Guru perlu mengenal pasti tahap keupayaan MBK	0%	1.5%	37.9%	60.6%			
Teknik pengajaran langkah demi langkah dan perbanyakkan ulangan diaplikasi dalam bilik darjah	0	1	19	46	3.68	0.50	ST
Kekuatan murid digunakan untuk mengajar mereka	0%	1.5%	28.8%	69.7%			
Rancangan Pendidikan Individu mengandungi matlamat jangka masa pendek dan panjang berdasarkan keperluan individu murid	1	0	22	43	3.62	0.58	ST
Murid bermasalah pendengaran menggunakan <i>alternate keyboards</i> dan <i>extra large keys</i>	1.5%	0%	33.3%	65.2%			
<i>Tracking ball mouse</i> diperlukan untuk mengurangkan pergerakan tangan	0	1	24	41	3.61	0.52	ST
Pihak sekolah perlu menyediakan mesin braille untuk murid bermasalah penglihatan	0%	1.5%	36.4%	62.1%			
Guru Pendidikan Khas berperanan memberi maklumat khusus untuk menghasilkan BBM	0	1	25	40	3.59	0.53	ST
	0%	1.5%	37.9%	60.6%			
	3	12	26	25	3.11	0.86	ST
	4.5%	18.2%	39.4%	37.9%			
	0	10	30	26	3.24	0.70	ST
	0%	15.2%	45.5%	39.4%			
	0	1	27	38	3.56	0.53	ST
	0%	1.5%	40.9%	57.65			
	0	1	30	35	3.52	0.53	ST
	0%	1.5%	45.5%	53.0%			

efektif bagi MBK

BBM bersaiz besar lebih memudahkan MBK dalam bilik darjah	1	6	18	41	3.50	0.73	ST
	1.5%	9.1%	27.3%	62.1%			
Min Keseluruhan	3.50						

Bagi item dalam bahagian ini, siswa guru semester enam semuanya berada pada tahap sederhana tinggi.

Kolaborasi dalam Pendidikan Inklusif

Pernyataan	Kekerapan				Min	S.P	Tahap
	STB	TB	B	SB			
Pihak sekolah mesti menyediakan infrastruktur yang “mesra kurang upaya”	2	1	19	44	3.59	0.68	ST
	3.0%	1.5%	28.8%	66.7%			
Susur landai (ramp) amat diperlukan bagi MBK berkerusi roda	0	2	17	47	3.68	0.53	ST
	0%	3.0%	25.8%	71.2%			
Pakar pediatrik mengesan punca masalah MBK berkaitan baka	3	7	25	31	3.27	0.83	ST
	4.5%	10.6%	37.9%	47.0%			
Fisioterapi menjalankan ujian untuk diagnosis tahap kerosakan pendengaran	9	6	20	31	3.11	1.05	ST
	13.6%	9.1%	30.3%	47.0%			
Kementerian Kesihatan Malaysia tidak perlu menyediakan program-program imunisasi kepada bayi dan kanak-kanak berkeperluan khas	26	17	11	12	2.14	1.14	SR
	39.4%	25.8%	16.7%	18.2%			
MBK mempunyai masalah sumbing perlu berjumpa pakar perkhidmatan Bahasa dan Pertuturan	7	4	27	28	3.15	0.95	ST
	10.6%	6.1%	40.9%	42.4%			
Personel berperanan mewujudkan perkongsian maklumat, pengetahuan dan kemahiran antara pihak sekolah dan ibu bapa	1	2	27	36	3.48	0.64	ST
	1.5%	3.0%	40.9%	54.5%			
Institut Pembangunan Kanak-Kanak dan Keluarga (NURI) memberikan perkhidmatan sokongan kepada ibu bapa murid sumbing bibir	2	7	31	26	3.23	0.76	ST
	3.0%	10.6%	47.0%	39.4%			
Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Malaysia (PPOBM) sepatutnya membantu murid buta untuk mendapatkan mesin braille	1	5	23	37	3.45	0.71	ST
	1.5%	7.6%	34.8%	56.1%			
Kolaborasi dan khidmat sokongan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan penting dalam kejayaan PPI	1	2	21	42	3.58	0.63	ST
	1.5%	3.0%	31.8%	63.6%			
Min Keseluruhan	3.27						

Pada bahagian ini hanya satu item sahaja yang berada pada tahap sederhana rendah iaitu pada item kelima manakala item lain berada pada tahap sederhana tinggi.

Persepsi Siswa Guru Terhadap Pendidikan Inklusif

Pernyataan	Kekerapan				Min	S.P	Tahap
	STB	TB	B	SB			
Yakin terhadap kebolehan MBK	2	4	32	28	3.30	0.72	ST
	3.0%	6.1%	48.5%	42.4%			
Tidak bersemangat dan kecewa untuk	24	19	12	11	2.15	1.10	SR

mengajar MBK	36.4%	28.8%	18.2%	16.7%			
Percaya dengan kebolehan MBK bersaing dengan kelas aliran perdana	2	3	28	33	3.39	0.72	ST
Yakin dengan kebolehan akademik bersandarkan kepada tahap kebolehan belajar	3.0%	4.5%	42.4%	50.0%			
Percaya bahawa pencapaian MBK akan meningkat dalam PPI	2	1	36	27	3.33	0.66	ST
Lebih yakin mengajar MBK yang mengalami kecacatan fizikal sahaja	3.0%	1.5%	54.5%	40.9%			
Menganggap mengajar MBK dengan tahap kognitif rendah sebagai satu masalah	1	6	32	27	3.29	0.70	ST
Hanya boleh mengajar murid inklusif yang bermasalah tingkah laku sederhana sahaja	1.5%	9.1%	48.5%	40.9%			
Percaya MBK memerlukan pembelajaran sosial yang wujud di dalam kelas aliran perdana	11	18	20	17	2.65	1.05	SR
Percaya MBK boleh mencapai tahap akademik yang lebih baik jika diinkluskasikan lebih awal	16.7%	27.3%	30.3%	25.8%			
Murid Pendidikan Inklusif sukar bersaing dengan murid aliran perdana	16	17	21	12	2.44	1.05	SR
<i>Self-esteem</i> MBK akan meningkat jika terus berada dalam kelas aliran perdana	24.2%	25.8%	31.8%	18.2%			
MBK akan mengganggu murid aliran perdana	9	26	24	7	2.44	0.86	SR
Guru perlu menghadiri kursus untuk meningkatkan kemahiran mengajar dalam PPI	13.6%	39.4%	36.4%	10.6%			
Perubahan fizikal dalam kelas mampu dilaksanakan sekiranya terdapat MBK yang memerlukannya	2	6	36	22	3.18	0.72	ST
Bersedia menyediakan BBM mengikut masalah MBK	3.0%	9.1%	54.5%	33.3%			
Tahu tentang ketetapan semua murid berhak untuk mendapatkan pendidikan sama rata	2	5	35	23	3.65	3.61	ST
Tahu tentang hak MBK untuk menduduki peperiksaan awam	3.0%	7.6%	53.0%	34.8%			
Keputusan peperiksaan awam MBK tidak mengganggu prestasi sekolah	7	21	26	11	3.08	3.72	ST
Sedar tentang tanggungjawab menerima MBK dan memberi kesedaran kepada orang lain juga	10.6%	31.8%	39.4%	16.7%			
Min Keseluruhan	3	8	34	21	3.11	0.79	ST
	4.5%	12.1%	51.5%	31.8%			
	12	25	19	10	2.41	0.96	SR
	18.2%	37.9%	28.8%	15.2%			
	0	4	23	39	3.53	0.61	ST
	0%	6.1%	34.8%	59.1%			
	0	5	28	33	3.42	0.63	ST
	0%	7.6%	42.4%	50.0%			
	0	3	33	30	3.41	0.58	ST
	0%	4.5%	50.0%	45.5%			
	1	1	22	42	3.59	0.61	ST
	1.5%	1.5%	33.3%	63.0%			
	0	3	31	32	3.44	0.59	ST
	0%	4.5%	47.0%	48.5%			
	1	7	27	31	3.33	0.73	ST
	1.5%	10.6%	40.9%	47.0%			
	0	1	25	40	3.59	0.53	ST
	0%	1.5%	37.9%	60.6%			

Bagi item kedua, keenam, ketujuh, kelapan dan ketiga belas berada pada tahap sederhana rendah manakala item yang selebihnya berada pada tahap sederhana tinggi.

Penyataan	Min	S.P	Tahap
Pengetahuan Umum terhadap Pendidikan Inklusif	2.98	0.48	SR
Teknik Pengajaran Pendidikan Inklusif dan Bahan Bantu Mengajar	3.50	0.43	ST
Kolaborasi dalam Pendidikan Inklusif	3.27	0.48	ST
Persepsi Siswa Guru Terhadap Pendidikan Inklusif	3.14	0.37	ST
Min Keseluruhan	3.17		

Secara kesimpulannya, antara keempat-empat bahagian ini, didapati bahawa siswa guru memahami akan kepentingan teknik pengajaran Pendidikan Inklusif serta penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai terhadap MBK di sekolah kerana berada pada tahap sederhana tinggi bagi kesemua item. Hasil dapatan ini menjelaskan bahawa siswa guru semester enam IPGKDRI berada pada tahap sederhana tinggi.

8.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang telah dianalisis. Perbincangan tersebut melibatkan aspek dapatan kajian daripada analisis yang telah dijalankan berdasarkan objektif kajian. Dalam konteks kajian ini, secara keseluruhannya Pengetahuan Pendidikan Inklusif dalam kalangan Siswa Guru IPGKDRI berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian mendapati aspek yang paling dikuasai adalah tentang teknik pengajaran Pendidikan Inklusif dan Bahan Bantu Mengajar.

Pada masa yang sama, dapatan kajian juga menunjukkan kelemahan dilihat daripada aspek pengetahuan umum siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif. Hal ini terjadi disebabkan siswa guru tidak mendapat pendedahan yang jelas tentang Pendidikan Inklusif dengan baik seperti matlamat, asas serta pedagogi yang digunakan terhadap MBK. Oleh itu, siswa guru perlulah sentiasa cakna dan mengambil berat tentang Pendidikan Inklusif ini supaya tidak menjadi satu masalah apabila siswa guru berhadapan dengan situasi ini kelak apabila turun ke lapangan.

9.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati siswa guru semester enam IPGKDRI mempunyai pengetahuan yang baik terhadap Pendidikan Inklusif. Hasil dapatan pula menunjukkan bahawa siswa guru semester enam IPGKDRI berada pada tahap sederhana tinggi. Tindakan seterusnya perlu diambil adalah dalam usaha memahamkan lagi siswa guru tentang kepentingan Pendidikan Inklusif supaya apabila berhadapan dengan suasana pekerjaan yang sebenar kelak, siswa guru sudah bersedia dan mempunyai pengetahuan serta pengalaman tentang Pendidikan Inklusif.

10.0 RUJUKAN

Abdul Rahim et. al. (2019). Tahap Minat, Pengetahuan dan Kemahiran, Latihan Guru dan Beban Tugas Guru Program Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Abdul Razaq Ahmad et. al. (2010). Kepelbagaian Pelajar dan Sekolah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010):87-95.
- Endis Firdaus. (2010). Pendidikan Inklusif dan Implementasinya di Indonesia. Seminar Nasional Pendidikan Universiti Jenderal Soedirman (UNSOED) Purwokerto, 24 Januari 2010.
- Lee. K. C dan Sailajah Nair Sukumaran. (2018). Pendidikan Inklusif. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Maizatul Azmah Ab. Latif et. al. (2015). Implementation of Inclusive Education for Special Needs Learners with Learning Disabilities. [Procedia - Social and Behavioral Sciences Volume 204](#), 24 August 2015, Pages 81-87.
- Mohamad Sugiarmn. (2010). Pengembangan Teknologi Asistif Bagi Anak Berkebutuhan Khusus Dalam Seting Pendidikan Inklusif. [http://file.upi.edu/Direktori/FIP/JUR. PEND. LUAR BIASA/195405271987031MO_HAMAD_SUGIARMIN/PENGEMBANGAN TEKNOLOGI_ASISTIF.pdf](http://file.upi.edu/Direktori/FIP/JUR._PEND._LUAR_BIASA/195405271987031MO_HAMAD_SUGIARMIN/PENGEMBANGAN_TEKNOLOGI_ASISTIF.pdf).
- Mohd Najib Ghafar dan Sanisah Jahaya. (2006). Bias Pengajaran Guru dalam Pelajaran Khas dan Pelajaran Normal. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Radhana Alfaris. (2017). Dukungan Sosial dan Aksesibilitas Pendidikan Inklusi di Perguruan Tinggi Berorientasi Masa Depan dan Kontinuitas. Universitas Widyagama Malang.
- Nissa Tarnoto. (2016). Permasalahan-Permasalahan yang dihadapi Sekolah Penyelenggara Pendidikan Inklusi Pada Tingkat SD. *Humanitas* Vol.13 No. 1. 50-61.
- NorShidah Salleh et. al. (2009). Sejarah Pendidikan Khas di Malaysia: Pendidikan Khas Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Othman et. al. (2008). Faktor ibu bapa dalam kecemerlangan akademik pelajar pekak: Kajian kes retrospektif. *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 5. pp. 79-98. ISSN 2180-2483.
- Pratiwi Widyasari dan Annisa Ainina Novara. (2018). Peran Strategi Pengajaran Guru dalam Relasi antara Efikasi Guru dan Penerimaan Teman Sebaya Terhadap Siswa di Sekolah Inklusif. *Jurnal Psikologi Sosial*, 16(2), 101-113.
- Saiful Azam Khoo Abdullah. (2019). Program Pendidikan Inklusif bagi Murid-Murid Berkeperluan Khas di Malaysia. KPM: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Supiah Saad. (2019). Komitmen dan Peranan dalam Pelaksanaan Pendekatan Pendidikan Inklusif di Malaysia. International Islamic University Malaysia.
- Zalizan Mohd Jelas. (2009). Pendidikan Inklusif dan Murid Berkeperluan Khas. Bangi: UKM.